



NOTIS PENAFIAN

PEROLEHAN PEMBEKALAN PERALATAN ECOFLOW PORTABLE POWER SUPPLY ATAU DRONE/ PELAKSANAAN KERJA PENDAWAIAN DI JABATAN ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menerima beberapa dokumen yang telah memalsukan kepala surat JAS, cop rasmi JAS, cop rasmi pegawai JAS dan tandatangan pegawai JAS berkaitan perolehan Kerajaan bagi tempoh 2022 hingga 2024.

JAS ingin menegaskan bahawa JAS di Putrajaya atau negeri seluruh Malaysia tidak pernah mengeluarkan permohonan untuk perolehan Pembekalan Peralatan Ecoflow Portable Power Supply atau Drone/ Pelaksanaan Kerja Pendawaian di JAS Putrajaya atau negeri seluruh Malaysia menerusi aplikasi Whatsapp, telegram atau emel selain emel rasmi Jabatan.

JAS telah membuat laporan polis berkenaan perkara ini dan kes dalam tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Jabatan ini juga menggesa orang ramai yang telah menjadi mangsa penipuan ini, agar segera membuat laporan kepada pihak berwajib yang berkaitan.